

Headline	Pendidikan landasan pemikiran semula	Language	MALAY
Date	24. Jun 2009	Page No	30
Media Title	Berita Harian	Article Size	197 cm2
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	192917	Color	Full Color
Readership	1521000	AdValue	4183.67



Pendidikan landasan pemikiran semula

Iqra



Judul: Kebangkitan Semula dan Pembaharuan dalam Islam
Penulis: Fazlur Rahman
Penterjemah: Amilah Awang Abdul Rahman
Penerbit: Institut Terjemahan Negara Malaysia
Pengulas: Hasliza Hassan

KEBANGKITAN Semula dan Pembaharuan dalam Islam: Satu kajian mengenai fundamentalisme Islam memaparkan tanggapan masa kini mengenai fundamentalisme atau keakuan kuat terhadap ajaran serta tuntutan Islam.

Bersandarkan sumber zaman pertengahan dan ahli fikir agung seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Taimiyah, buku ini menegaskan semula Islam adalah agama dinamik yang mempunyai ruang untuk penafsiran semula dan pembaharuan.

Buku terakhir cendekiawan Islam terkenal dari Pakistan, Fazlur Rahman ini ditulis dengan penuh teliti dan provokasi. Malah, beliau turut mengkaji semula beberapa tokoh serta idea secara terperinci walaupun sudah ditulis secara ringkas sebelum ini dalam banyak esei dan buku ilmiahnya.

Kebangkitan semula dan pembaharuan adalah tema asas dalam pemikiran Fazlur Rahman di mana tugas utama beliau ialah menyediakan landasan bagi pemikiran semula yang bakal dicapai melalui pendidikan.

Pendapat beliau ialah penentangan perubahan yang dibawa kemodenan budaya serta intelek hanya akan merugikan masyarakat Islam kerana ia menyebabkan mereka ketinggalan berbanding masyarakat lain yang berkembang maju.

Sambil memuji dan menghormati tradisi intelek canggih yang diwarisi ulama, beliau turut melahirkan rasa tidak puas hati apabila kebanyakan ulama mengetepikan beberapa aspek penting seperti pemikiran kritis serta inovasi.